



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Unit Integriti dan Pematuhan
Integriti and Compliance Unit

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Lebuhr Persiaran Tun Khalil Yaakob
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur

Tel.: +609-431 5068
e-mel: integrity@umpsa.edu.my
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Ruj. Kami : UMPSA.01.12.100-1/7/35 (2)
Tarikh : 27 November 2024

Senarai edaran seperti lampiran

YH Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

EDARAN E-BOOK BUKU STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH ORGANISASI (OACS) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA) TAHUN 2024 - 2028

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Ke 242 Bil 21/2024 yang diadakan pada 19 September 2024 telah meluluskan Strategi Pembanterasan Rasuah Organisasi (OACS) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4 Tahun 2024 yang diadakan pada 27 September 2024.

3. Sehubungan itu, dilampirkan E-Book Strategi Pembanterasan Rasuah Organisasi (OACS) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) untuk tujuan rujukan dan perhatian YH.Dato'/Datin/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan. Strategi Pembanterasan Rasuah Organisasi (OACS) merupakan dokumen dasar antirasuah diperingkat organisasi iaitu UMPA yang mana ianya bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan rasuah dalam UMPA. Pembangunan OACS ini adalah inisiatif mandatori di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dan Strategi Pembanterasan Rasuah Organisasi (NACS) 2024-2028 serta Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No 1 Tahun 2019.

Sebarang pertanyaan dan kemusykilan, sila hubungi pihak kami Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) di talian 09-431 6784/6772.

Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Teknologi Untuk Masyarakat'

Saya yang menjalankan amanah,

NURUL SYAHIDA BINTI SUHAIMIN
Ketua

Unit Integriti dan Pematuhan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI



SENARAI EDARAN

1. **YBrs. Profesor Ts. Dr. Aida binti Mustapha**
Menjalankan Fungsi Naib Canselor
2. **YH. Lt. Kol. Dato' Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBrs. Profesor Ts. Dr. Aida binti Mustapha**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin Bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah Binti Gono**
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina Binti Mamat**
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
11. **Ketua Pegawai Maklumat**
12. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
13. **Semua Pengurus Besar/ Pengurus Kanan**
14. **Semua Pengarah Kanan**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Bahagian/ Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH ORGANISASI (OACS)

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)



**UNIT INTEGRITI DAN PEMATUHAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

PENGERUSI

Dato' Saiful Bahri Ahmad Bakarim

SETIAUSAHA

Nurul Syahida Suhaimin

AHLI-AHLI

Dato' Saiful Bahri Ahmad Bakarim, Dato' Zainudin Othman, Marlina Mamat, Professor Ts. Dr. Gaanty Pragas a/l Maniam, Haryani Abdullah, Ts. Izwan Ismail, Dr. Mohd Hanafiah Ahmad, Asri Haji Zainudin, Mohd Akram Abdul Razak, Rosilavi Mat Jusoh, Dr. Norasman Othman, Ts. Dr. Noorhuzaimi@ Karimah Mohd Noor, Mejar Imaduddin Abidin, Ts.Dr.Mohammad Affendy Omarkin, Ir. Dr. Mohd Sabri Mahmud, Dr. Mohamad Reeduan Mustapha, Dr. Norwazli Abd Wahab, Ts. Dr. Mas Ayu Hassan, Dr Hadijah Ahmad, Dr Suhardi Mat Jusoh, Dr. Wahaizad Safiei, Dr. Mohd Yazid Abu, Ts. Dr. Nurhafizah Abu Talip@Yusof, Noor Azita Ibrahim, Norfarizan Mohd Daud, Iskandar Salehuddin, Azrizulazmi Bustan, Safriza Haji Baharuddin, Ahmad Fadly Ibrahim, Mohd Nazmi Sahdan, Nurul Syahida Suhaimin, Wan Nor Azma Wan Mokhtar, Ismawarni Ismail, Nur Ain Insyirah Ramli, Siti Nur Fatimaton Abdul Manan, Nabilah Zamimi, Nurhuda Yasmin Zulkfli, Fatin Najihah Abdul Zaihar, Eriena Kamarozaman, Nursafrica Suardi, Nur Hartini Mohd Hatta, Hafizatulazlin Abdul Aziz, Noraisah Mahasan

PEREKA BENTUK GRAFIK

Mohd Zulkifly Hamzah

JURUFOTO

Siti Nur Fatimaton Abdul Manan
Noraisah Mahasan

Cetakan pertama 2024

Hak cipta terpelihara. ©Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah 2024
Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pusat Komunikasi Korporat, Jabatan Canseleri, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Pengerusi
Dato' Saiful Bahri Ahmad Bakarim

Setiasaha
Nurul Syahida Suhaimin

Diterbitkan oleh:
Pusat Komunikasi Korporat,
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan Pahang, Malaysia

Dicetak oleh:
Redwire Resources



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-98576-2-4

ISI KANDUNGAN

Seuntai Kata, Seulas Bicara Naib Canselor UMPSA	iv
Setitis Tinta, Seindah Madah Pendaftar UMPSA	v
Semanis Kalam, Seindah Harapan Ketua Unit Integriti dan Pematuhan UMPSA	vi
Penghargaan	vii
Penafian	vii
Kata Singkatan	viii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Keseluruhan Laporan	2
1.2 Ringkasan Eksekutif	2
1.3 Punca Kuasa	3
1.4 Latar belakang UMPSA	3
BAB 2: TINJAUAN MENGENAI ANTIRASUAH	5
2.1 Polisi Pencegahan Rasuah UMPSA	6
2.2 Isu dan Cabaran	6
2.3 Penilaian Risiko Rasuah	7
2.4 Sembilan Risiko Tertinggi	7
BAB 3: PEMBANGUNAN OACS UMPSA	9
3.1 Pengenalan kepada OACS	10
3.2 Objektif OACS	10
3.3 Pendekatan Tujuh Langkah	11
3.4 Bidang Keutamaan dan Matlamat Strategik Pencegahan Rasuah	12
3.5 Rangka Kerja OACS	13
BAB 4: PELAN TINDAKAN OACS	15
4.1 Prinsip dan Matlamat Strategik	16
4.2 Parameter Utama	16
4.3 Pecahan Bidang Keutamaan (Strategi)	17
4.4 Gambaran Keseluruhan	17
4.5 Impak dan Kerumitan	19
4.6 Kuadran Impak dan Kerumitan	20
4.7 Garis Masa	24
BAB 5: PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	27
5.1 Petunjuk	28
5.2 Semakan	29
5.3 Struktur Pelaporan	29
BAB 6: KESIMPULAN	33
6.1 Ringkasan	34
6.2 Faktor Risiko	34
6.3 Faktor Kritikal untuk Kejayaan	34
LAMPIRAN: PELAN TINDAKAN OACS	35
A. Senarai Hadirin Bengkel	36
B. Butiran Terperinci Inisiatif	38
C. Impak dan Kerumitan	
D. Gambaran Keseluruhan OACS	44

Seuntai Kata, Seulas Bicara



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Pertamanya, marilah kita memanjat kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita telah dikurniakan dengan umur yang panjang dan diberikan kesihatan untuk menggalas tanggungjawab sebagai warga Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) untuk terus berbakti demi kejayaan UMPSA. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada warga UMPSA kerana telah memberikan sepenuh komitmen sepanjang tahun 2024.

Bagi menyahut seruan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dalam membentuk tatakelola yang baik, UMPSA telah membangunkan satu Strategi Pembanterasan Rasuah Organisasi (OACS) bagi tahun 2024-2028 dan bertepatan dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) yang telah diluncurkan pada 7 Mei 2024.

OACS UMPSA dibangunkan dengan memberi penekanan kepada lima strategi utama iaitu Pendidikan, Kebertanggungjawaban Awam, Suara Rakyat dan Insentif selaras dengan strategi-strategi yang ditekankan di dalam NACS. Penekanan ini diberikan memandangkan isu rasuah merupakan isu yang perlu dipandang serius kerana merupakan satu barah yang mampu merosakkan organisasi secara amnya dan UMPSA secara khasnya.

Langkah-langkah pencegahan rasuah haruslah diambil bagi memastikan UMPSA berada di landasan yang tepat dalam mencapai matlamat dan misi UMPSA untuk menjadi salah sebuah Universiti Teknologi Terunggul di Malaysia dan di seluruh dunia. Oleh itu, dengan terhasilnya Strategi Pembanterasan Rasuah UMPSA (OACS UMPSA), diharapkan warga UMPSA akan lebih peka dengan gejala-gejala yang boleh menjurus ke arah jenayah rasuah dan secara tidak langsung dapat mengelakkan daripada berlaku.

Sekali lagi, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat terutamanya kepada Ahli Jawatankuasa Pembangunan Strategi Pembanterasan Rasuah 2024-2028 yang dipengerusikan oleh Pendaftar UMPSA, YH Dato' Saiful Bahri Ahmad Bakarim atas usaha dan komitmen yang telah diberikan sepanjang mengurus dan membangunkan OACS UMPSA. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada Unit Integriti dan Pematuhan UMPSA kerana memastikan segala perancangan dan persiapan bagi pembangunan OACS UMPSA berjalan lancar.

Akhir kata, marilah kita jadikan UMPSA sebagai satu universiti yang bebas rasuah dan sebuah institusi yang berintegriti.

Sekian, terima kasih.

Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin, DIMP.
Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

Setitis Tinta, Seindah Madah



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Pembangunan Strategi Pembanterasan Antirasuah Organisasi (OACS) UMPSA ini dapat dilaksanakan dan disempurnakan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat terutamanya kepada Ahli Jawatankuasa Pembangunan Strategi Pembanterasan Antirasuah Organisasi (OACS) yang telah memberikan komitmen tinggi sepanjang proses Pembangunan OACS UMPSA ini.

Seperti yang kita sedia maklum, rasuah adalah isu global yang memberi impak negatif terhadap pembangunan ekonomi, sosial, dan politik sesebuah institusi pendidikan terutamanya UMPSA. Justeru, pembangunan OACS UMPSA merupakan langkah penting yang perlu diambil untuk memperkukuhkan usaha membanteras amalan rasuah di semua peringkat. OACS UMPSA ini bukan sahaja menjadi rujukan, tetapi juga sebagai alat pendidikan yang penting bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman warga UMPSA mengenai bahaya rasuah serta langkah-langkah menanganinya.

Strategi yang terkandung di dalam buku ini telah disusun dengan teliti berdasarkan kajian, analisis, dan pengalaman praktikal daripada pelbagai pusat tanggungjawab (PTJ) di UMPSA. Ia merangkumi aspek pencegahan, pengesanan, penguatkuasaan undang-undang dan pendidikan serta kesedaran semua pihak. Diharapkan agar OACS UMPSA ini dapat memberikan panduan yang jelas dan berkesan kepada semua jabatan yang terlibat dalam usaha membanteras rasuah.

Selaku Pengerusi Pembangunan Strategi Pembanterasan Antirasuah Organisasi (OACS) UMPSA, saya berharap agar setiap pegawai dapat mengambil manfaat daripada kandungan buku ini dan bersama-sama melaksanakan inisiatif-inisiatif yang disarankan. Marilah kita bergerak seiring dengan semangat integriti dan tanggungjawab untuk mewujudkan masyarakat yang bebas rasuah.

Akhir kata, semoga buku ini dapat menjadi sumber inspirasi dan panduan kepada semua dalam usaha kita membanteras rasuah. Terima kasih kepada semua yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam penerbitan buku ini.

Sekian, terima kasih.

Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim, DIMP.

Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

Semanis Kalam, Seindah Harapan



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Pertama sekali, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita diberi peluang untuk bersama-sama dalam usaha Pembangunan Strategi Pembanteraan Antirasuah Organisasi (OACS) UMPSA. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses pembangunan strategi pembanteraan antirasuah yang komprehensif ini.

Rasuah merupakan ancaman serius kepada integriti, keadilan dan kepercayaan masyarakat terhadap sistem pentadbiran organisasi. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita semua, terutamanya Unit Integriti dan Pematuhan untuk memastikan bahawa amalan rasuah dapat dibanteras secara berkesan melalui pendekatan yang terancang dan menyeluruh.

Strategi yang dibangunkan ini adalah hasil daripada komitmen padu dan kolaborasi antara jabatan di dalam UMPSA. Ia merangkumi langkah-langkah proaktif yang bertujuan untuk memperkukuh mekanisme pencegahan, pengesanan, dan penguatkuasaan undang-undang. Dalam menjayakan inisiatif pencegahan rasuah, pendidikan dan kesedaran menjadi faktor penting untuk membentuk budaya integriti yang kukuh dalam kalangan warga UMPSA.

Akhir kata, saya berharap agar strategi ini menjadi panduan yang berkesan dalam usaha kita membanteras rasuah. Semoga kita terus diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi cabaran ini, dan seterusnya mencapai matlamat untuk mewujudkan persekitaran yang bersih serta bebas rasuah.

Nurul Syahida binti Suhaimin
Ketua Unit Integriti dan Pematuhan
Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA)



PENGHARGAAN

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (di sini dirujuk sebagai 'UMPSA') ingin merakamkan penghargaan kepada ketua pusat tanggungjawab dan pengurusan atas sokongan berharga dalam penghasilan dokumen ini. UMPSA juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua PTJ, ketua jabatan dan pasukan mereka atas kerjasama dan penglibatan mereka dalam menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACS) ini. Mereka telah memberikan sokongan penuh dan tidak melepaskan sebarang usaha dari segi masa, kepakaran dan input berharga melalui siri bengkel yang telah diadakan untuk memastikan OACS ini siap pada masanya serta menangani cabaran operasi UMPSA dengan tepat. Akhir sekali, UMPSA merakamkan penghargaan kepada perunding kami, atas kepakaran, nasihat dan bimbingan mereka dalam menyediakan dokumen ini.

PENAFIAN

Laporan ini disediakan berdasarkan maklumat yang dikumpul daripada staf UMPSA semasa perbincangan dan Bengkel OACS. Walaupun segala usaha dibuat untuk mengesahkan ketepatan dan kesempurnaan maklumat yang dikumpul, laporan ini mungkin tidak menggambarkan sepenuhnya isu tadbir urus dalaman UMPSA.

Laporan ini tidak berfungsi sebagai laporan tunggal atau maklumat lengkap akhir tentang kecukupan UMPSA dalam menangani keperluan Garis Panduan Tatakelola Pengurusan. Pembaca laporan ini hendaklah diingatkan bahawa maklumat dalam laporan ini mungkin tidak muktamad dan pengguna hendaklah memikul tanggungjawab sepenuhnya untuk bertindak mengikut kandungannya.

KATA SINGKATAN

Singkatan berikut digunakan sepanjang dokumen ini.

UMPSA	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
NC	Naib Canselor
OACS	Strategi Pembanterasan Rasuah Organisasi
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
MTK	Mesyuarat Tatakelola
CRA	Penilaian Risiko Rasuah
CRM	Pengurusan Risiko Rasuah
UIP	Unit Integriti dan Pematuhan
PTJ	Pusat Tanggungjawab



BAB 1

Pengenalan

1.1 Keseluruhan Laporan

Dokumen ini menggariskan Strategi Pembanterasan Rasuah Organisasi (OACS) untuk Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bagi tempoh sedang berjalan 2024 dan juga mengikut Pelan Strategik UMPSA yang akan berakhir bagi tempoh 2021-2025. Tujuan perancangan Pelan Strategik adalah untuk mengenal pasti risiko rasuah utama yang berkaitan dengan operasi UMPSA dan menerangkan inisiatif dan tindakan untuk mengurangkan risiko tersebut.

Dokumen OACS ini bertujuan untuk memenuhi objektif berikut:

- Untuk menjadikan tindakan ini sebagai asas amalan antirasuah dan juga penerapan budaya perkhidmatan yang beretika dalam organisasi;
- Untuk membantu mencegah, mengenal pasti dan bertindak kepada rasuah dan mematuhi undang-undang pencegahan rasuah yang sedia ada serta menggunakan amalan terbaik; dan
- Untuk memberi jaminan kepada pengurusan, staf, pelanggan, syarikat bersekutu dan pihak berkepentingan yang lain bahawa UMPSA sedang melaksanakan tapisan integriti untuk aktiviti dan jawatan berisiko tinggi untuk pencegahan rasuah dalam operasinya.

Bab 1 memberi maklumat latar belakang mengenai UMPSA, termasuk siapakah kami dan falsafah operasi kami. Bab 2 menghuraikan metodologi yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa yang diguna pakai dalam menghasilkan laporan OACS – bermula daripada meneliti profil organisasi sehinggalah kepada mengukur kesan inisiatif. Ia juga menyenaraikan pelbagai risiko dan cabaran yang dihadapi dalam persekitaran operasi semasa UMPSA. Ini termasuk penemuan hasil daripada latihan Penilaian Risiko Rasuah (CRA) yang telah dilaksanakan sebelum bengkel OACS.

Kejayaan OACS bukan sahaja terhad kepada mengenal pasti risiko rasuah dan melaksanakan pelan tindakan, tetapi juga dalam memahami model operasi organisasi dan mengaitkan setiap risiko dengan Visi dan Misi UMPSA. Dalam Bab 3, kami menggariskan objektif OACS UMPSA dan mengenal pasti bidang keutamaan yang akan diberi tumpuan.

Bab 4 menerangkan inisiatif khusus untuk menangani risiko rasuah UMPSA. Setiap satu mempunyai tahap impak dan kerumitan yang berbeza dan dipantau sepanjang lima tahun OACS.

Setelah dilaksanakan, OACS mesti dipantau dan dinilai untuk menentukan ia berfungsi seperti yang diharapkan serta bersedia untuk menangani sebarang perubahan dalam risiko yang mungkin berlaku sepanjang kitaran hayatnya. Proses ini diterangkan di dalam Bab 5, termasuk struktur untuk melaporkan kemajuan OACS.

Akhir sekali, Bab 6 mengetengahkan faktor-faktor dalaman dan luaran yang boleh memberi kesan kepada hasil OACS. Turut disertakan pendapat terpilih daripada staf UMPSA mengenai jangkaan mereka terhadap OACS.

Dokumen yang lengkap menyediakan arah perjalanan yang jelas untuk inisiatif antirasuah UMPSA sepanjang tempoh 'sedang berjalan' pada 2024 dan sempat tahun dari 2025 hingga 2028 serta akan memacu UMPSA pada landasan tadbir urus yang lebih kukuh.

1.2 Ringkasan Eksekutif

OACS merangkumi UMPSA secara keseluruhan. Ia dirumuskan dengan tujuan untuk membantu UMPSA membangunkan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah sendiri.

Bengkel OACS telah dijalankan pada 4 dan 5 Jun 2024 di AC Hotel, Kuantan. Ia dihadiri 23 peserta yang mewakili 22 PTJ dan bahagian di UMPSA. Senarai peserta ditunjuk di Lampiran A.

OACS yang dihasilkan meliputi 1 tahun 2024 yang diklasifikasikan sebagai Sedang Berjalan dan dituruti sempat tahun mengikut Pelan Strategik Organisasi dari 2024-2028 yang dibahagikan kepada tiga jangka masa – Pendek (2025), Sederhana (2026-2027) dan Panjang (2028).

Sebanyak 30 inisiatif yang dikenal pasti semasa Bengkel CRM pada 26 hingga 27 Februari 2024 telah dimaktubkan di dalam OACS UMPSA. 57 peratus daripada inisiatif tersebut Sedang Berjalan (2024), manakala selebihnya 43 peratus daripada jumlah inisiatif mempunyai tahap impak yang tinggi mengikut jangka masa pendek, sederhana

dan panjang. Turut disertakan petunjuk (*indicator*) untuk memantau dan mengukur keberkesanan OACS dalam mencapai matlamatnya.

1.3 Punca Kuasa

Punca kuasa untuk pembangunan OACS di jabatan kerajaan termaktub dalam Arahan YAB Perdana Menteri No: 1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 - Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dan Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: 'Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.'

Di bawah Strategik 6: Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat, Objektif Strategik 6.2 ialah Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah di Entiti Korporat. Inisiatif 6.2.1 khususnya 'Mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan, Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) dan Sektor Swasta yang Dikawal Selia oleh Badan Kawal Selia untuk Membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACS).'

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 17 Bil. 1 Tahun 2023 pada 6 Julai 2023, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia, memutuskan untuk menggubal Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS). Langkah strategik ini yang selari dengan piawai antarabangsa, merupakan kesinambungan usaha NACP untuk memerangi rasuah dengan berkesan. Ada beberapa kekangan yang menyebabkan inisiatif-inisiatif NACP tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Inisiatif-inisiatif tersebut telah dipertimbangkan ke dalam NACS untuk dilaksanakan sebagai kesinambungan kepada NACP. Strategi yang diintegrasikan ini memungkinkan satu pendekatan menyeluruh untuk memerangi rasuah, menangani cabaran mendatang sekali gus meneruskan pencapaian inisiatif-inisiatif sebelumnya.

1.4 Latar Belakang UMPSA

UMPSA adalah sebuah universiti teknikal yang ditubuhkan pada tahun 2002. UMPSA menawarkan pelbagai program teknikal berteraskan Kejuruteraan dan Teknologi yang menawarkan program pengajian Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Aras Tinggi. Sebagai salah sebuah universiti dalam Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan universiti terbaik Penyelidikan dan Inovasi (*Non RU*), UMPSA dilihat sentiasa komited mencipta inovasi dan keunikan dalam penawaran program akademik melalui jalinan strategik pada peringkat antarabangsa. Program kejuruteraan menggunakan model bertaraf dunia seperti program kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA) Jerman dilihat sebagai tanda aras terbaik kepada universiti di Malaysia. Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti pengkomersialan produk penyelidikan.

Visi

Universiti Teknologi Terunggul.

Misi

Kami bertekad untuk cemerlang dalam menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan teknologi aras tinggi yang dipacu bersama komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial.

Objektif

1. Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.
2. Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.
3. Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.
4. Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.





BAB 2
TINJAUAN MENGENAI
ANTIRASUAH

2.1 Polisi Pencegahan Rasuah UMPSA

Di UMPSA, kami komited untuk melaksanakan dan menguatkuasakan dasar dan prosedur yang berkesan serta teguh untuk mencegah, memantau dan menghapuskan rasuah.

Kami mempunyai pendirian toleransi sifar terhadap rasuah. Semua staf, PTJ dan rakan perniagaan UMPSA dilarang meminta, menerima, memperoleh, menawarkan atau memberi rasuah dalam apa jua bentuk sekalipun dan dikehendaki mematuhi undang-undang Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (dan sebarang pindaan seterusnya) dan undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan.

UMPSA berhak mengambil tindakan yang sewajarnya menurut dasar, prosedur dan keperluan berkanun yang berkaitan terhadap sesiapa yang tidak mematuhi polisi ini. Staf, PTJ atau rakan perniagaan yang didapati melanggar mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan rasuah, polisi ini atau polisi lain yang berkaitan dengan UMPSA secara langsung atau tidak langsung yang berkaitan dengan rasuah boleh dikenakan:

- tindakan tatatertib termasuk pemecatan pekerjaan untuk staf; atau
- penamatan kontrak perniagaan untuk kontraktor dan pemegang taruh luar atau pendakwaan di bawah Akta SPRM 2009.

Polisi Pemberitahuan Maklumat kami menyediakan saluran yang selamat untuk semua staf dan pihak berkepentingan luar termasuk orang awam untuk mendedahkan sebarang kelakuan tidak wajar berkaitan operasi UMPSA. Kami memastikan bahawa dasar ini disampaikan dan difahami di seluruh lapisan UMPSA dan tersedia di laman web rasmi kami untuk akses mudah kepada semua pihak berkepentingan.


2.2 Penilaian Risiko Rasuah

Penilaian Risiko Rasuah UMPSA telah dibincangkan dan dinilai pada Bengkel Penilaian Risiko Rasuah (CRA) yang dikendalikan oleh perunding pada 26 hingga 27 Februari 2024. Seramai 27 peserta UMPSA terdiri daripada ketua jabatan dan staf kanan menyumbang pelbagai input dalam mengenal pasti pelbagai risiko rasuah di dalam organisasi.

Bengkel ini dijalankan menggunakan metodologi pengurusan risiko antarabangsa yang diterima pakai bersama-sama rujukan dari Jabatan Standard iaitu MS ISO 3100: 2010 yang meliputi:

- Kewujudan Konteks;
- Penilaian Risiko; dan
- Rawatan Risiko.

Gambar Rajah 1: Perincian Metodologi CRM



2.3 Sembilan Risiko Tertinggi

Sebanyak 121 risiko rasuah telah dikenal pasti berkaitan dengan pelbagai jabatan yang beroperasi di UMPSA. Daripada jumlah ini, 52 telah melalui proses penilaian risiko rasuah terperinci yang seterusnya menghasilkan senarai kedudukan sembilan risiko teratas. Senarai ini mengikut keutamaan berdasarkan potensi dan kesannya kepada operasi UMPSA dan kemungkinan ia berlaku.

Jadual 1: Perincian Sembilan Risiko Tertinggi

BIL.	RISIKO RASUAH	BAHAGIAN TERLIBAT YANG MEMBERI INPUT
1.	<p>Menerima rasuah bagi memberi dana/dilantik tanpa mengikut SOP:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Servis atau bahan daripada pembekal/vendor yang tidak mencapai piawaian • Pelantikan atau kenaikan pangkat staf • Kelulusan dana penyelidikan • Mempengaruhi pelantikan penceramah 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH) • Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) • Jabatan Pendaftar • Jabatan Bendahari • Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) • Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP) • Pusat Teknologi Digital (DiTec)
2.	<p>Menerima rasuah untuk mendapatkan kelulusan tender:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Staf perolehan merangka butiran spesifikasi yang bias kepada syarikat tertentu • Membocorkan atau merubah maklumat tender • Memberi suapan agar pelantikan dipanjangkan/dikekalkan 	<ul style="list-style-type: none"> • Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) • UMPSA Advanced • Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) • Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) • Pusat Sains Kemanusiaan (PSK) • Jabatan Bendahari • Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)
3.	<p>Menerima rasuah untuk merubah keputusan/tindakan ke atas pelajar:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa memberi habuan untuk mengurangkan hukuman, membaiki markah, meluluskan peperiksaan tanpa melalui penilaian yang ditetapkan atau membocorkan soalan kertas peperiksaan • Pelajar memberi habuan untuk menamatkan pengajian dengan segera, mendapatkan gred <i>assignment</i> atau peperiksaan yang lebih tinggi atau mengubah keputusan pentaksiran pengajian pelajar 	<ul style="list-style-type: none"> • UMPSA Advanced • Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) • Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) • Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP) • Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) • Fakulti Komputeran (FK)
4.	<p>Salah guna kuasa melantik vendor atau memberi projek kepada pihak terpilih/tidak layak:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lantikan perunding tidak kompeten • Pelantikan berulang kepada staf yang sama • Melantik profesor tamu yang diminati • Melantik syarikat yang sama untuk projek/perolehan yang dikawal jabatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM) • Fakulti Komputeran (FK) • Pusat Teknologi Digital (DiTec)

BIL.	RISIKO RASUAH	● BAHAGIAN TERLIBAT YANG MEMBERI INPUT
5.	Menyalahgunakan kuasa/kedudukan untuk kepentingan peribadi: <ul style="list-style-type: none"> ● Permohonan kenaikan pangkat ● Pengguguran kes tatatertib ● Penggunaan kabel untuk mendapatkan jawatan yang dikehendaki ● Mengupah <i>substitute</i> untuk menjalankan tugas hakiki 	<ul style="list-style-type: none"> ● Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM) ● Jabatan Perundangan ● Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
6.	Salah guna dana untuk kepentingan sendiri: <ul style="list-style-type: none"> ● Pemberian geran ● Tawaran aktiviti/dana ahli politik/NGO kepada individu atau kumpulan yang berkepentingan sahaja 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pusat Sains Kemanusiaan (PSK) ● Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA)
7.	Tuntutan palsu iaitu: <ul style="list-style-type: none"> ● Staf meluluskan tuntutan pembayaran projek atau kepada pembekal/vendor yang tidak sah ● Memalsukan tuntutan perjalanan ● Mengemukakan tuntutan bayaran atau langganan yang tidak digunakan oleh UMPSA. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Jabatan Bendahari ● Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) ● Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JP&I) ● Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH)
8.	Salah guna kuasa membuat pembelian yang tidak mengikut tatakelola UMPSA: <ul style="list-style-type: none"> ● Kebocoran maklumat proses tender/sebut harga/pembelian terus. Penyelidik membuat pembelian peralatan penyelidikan tanpa memaklumkan kepada pihak universiti 	<ul style="list-style-type: none"> ● Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JP&I)
9.	Salah guna kuasa membuat kerja perundingan luar tanpa kebenaran pihak universiti	<ul style="list-style-type: none"> ● Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JP&I)

Kesemua sembilan risiko ini bersama dengan pelan tindakannya membentuk asas untuk OACS UMPSA.

BAB 3
PEMBANGUNAN OACS
UMPSA

3.1 Pengenalan kepada OACS

Bahagian ini menyediakan pengenalan kepada OACS dengan menerangkan konsep 5W1H (Apa, Siapa, Bila, Di mana, Kenapa dan Bagaimana).

APA: OACS ialah satu pelan berskala tahunan yang menggariskan strategi UMPSA untuk meningkatkan tahap integriti dan ketelusan operasinya serta mengurangkan risiko rasuah.

SIAPA: OACS terpakai kepada semua entiti operasi UMPSA yang berkaitan. Ia diketuai dan disahkan oleh PTJ dengan UIP bertindak sebagai ketua penyelaras projek.

Ia melibatkan semua pihak berkepentingan di dalam dan di luar UMPSA termasuk staf, pelajar, kontraktor, vendor dan pihak ketiga.

KENAPA: UMPSA mengakui kesan isu rasuah ke atas pelajar, operasi dan masyarakat secara amnya. Trend dalam landskap kerja hari ini adalah untuk memerangi ancaman peningkatan rasuah dengan memperkukuh langkah-langkah pencegahan rasuah dan meningkatkan kesedaran dan amalan dalam kalangan semua pihak berkepentingan. Kerajaan Malaysia turut mengakui ancaman ini dan sedang menerajui inisiatif transformasi antirasuah pada peringkat nasional melalui pembangunan dan pelaksanaan OACS di semua lapisan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan pusat.

UMPSA kini memulakan transformasi untuk menangani cabaran ini, selaras dengan aspirasi kerajaan melalui Pelan Strategi Antirasuah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas daripada rasuah. OACS ini akan meningkatkan tahap integriti dan ketelusan yang diamalkan oleh UMPSA. Ini akan meningkatkan lagi nilai UMPSA sebagai entiti universiti tempatan yang berkualiti dan seterusnya reputasi KPT dan kerajaan pusat.

BILA: Jangka masa untuk OACS ini adalah selama lima tahun. Ia akan disemak semula secara berkala untuk menangani sebarang perubahan dalam risiko operasi yang mungkin berlaku dari semasa ke semasa disebabkan oleh keadaan pasaran yang berbeza dan perubahan kepada Pelan Strategik Organisasi UMPSA.

DI MANA: OACS ini akan memberi kesan kepada setiap staf UMPSA dan akan diamalkan daripada peringkat tertinggi hingga kepada semua peringkat staf. Ia akan disematkan sebagai salah satu falsafah teras dan budaya organisasi, serta diamalkan di mana-mana sahaja UMPSA beroperasi.

BAGAIMANA: Laluan ke arah pembangunan OACS ini bermula dengan penubuhan UIP yang melantik perunding untuk menjalankan latihan CRA untuk mengenal pasti risiko rasuah dalam UMPSA. Ini membawa kepada bengkel OACS pada bulan Jun 2024 untuk memperhalus dan memperkemas risiko yang dikenal pasti, dan menghasilkan dokumen ini yang menerangkan rangka kerja pelaksanaan Pelan Tindakan Antirasuah UMPSA.

OACS ini hendaklah dimaklumkan secara berkesan kepada semua pihak berkepentingan, termasuk dalaman dan luaran untuk memastikan ia difahami serta dilaksanakan dengan baik.

Ia akan dianggap sebagai **dokumen hidup** yang akan membimbing UMPSA dalam mencapai objektif antirasuah. Diharapkan hasil ini akan dapat mengubah landskap UMPSA menjadi organisasi yang mempunyai tahap integriti yang tinggi.

3.2 Objektif OACS

OACS bertujuan untuk menyediakan satu pelan yang komprehensif yang menggariskan tindakan yang jelas dan boleh diukur dalam inisiatif pencegahan rasuah organisasi.

Gambar Rajah 2: Perincian Objektif OACS



Objektif ini akan membantu UMPSA dalam membangunkan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah sendiri. Ia menggariskan isu-isu yang menyumbang kepada amalan rasuah dan mentakrifkan pendekatan serta juga program (inisiatif) yang bertujuan untuk menanganinya termasuk:

- pelaksanaan tugas;
- penyampaian perkhidmatan; dan
- pemantauan dan semakan.

Semua inisiatif ini akan dikaitkan dengan rangka kerja OACS UMPSA iaitu terdapatnya prinsip tatakelola baik dan matlamat strategik pencegahan rasuah dan juga akan menyumbang kepada merealisasikan visi dan misi UMPSA.

3.3 Pendekatan Tujuh Langkah

Menggunakan rangka kerja ISO 3100: 2010 dan Standard Malaysia MS2764:2022 yang diiktiraf antarabangsa dan Jabatan Standard Malaysia, pendekatan tujuh langkah digunakan untuk membangunkan OACS UMPSA. Pendekatan ini menghasilkan pelan hala tuju yang jelas dan komprehensif dengan inisiatif pencegahan rasuah bagi tempoh 2024-2028.

Untuk memastikan kejayaan dalam memenuhi objektifnya, OACS memperuntukkan pemilikan dan garis masa bagi memantau setiap inisiatif sehingga mendapat keputusan yang memuaskan.

Antara sorotan utama termasuklah:

- Satu mekanisme untuk menurunkan risiko rasuah utama yang telah dikenal pasti;
- Melibatkan semua pihak berkepentingan di dalam dan di luar UMPSA;
- Menangani budaya dan amalan etika di tempat kerja;
- Pemantauan dan penilaian yang berterusan;
- Menggabungkan petunjuk yang boleh diukur dan dijejaki;
- Semakan pertengahan penggal; dan
- Selaras dengan peningkatan tahap integriti UMPSA.

Gambar Rajah 3: Proses Utama Pendekatan Tujuh Langkah



3.4 Matlamat Strategik Pencegahan Rasuah

Risiko yang dikenal pasti daripada Bengkel CRM dan OACS adalah berkaitan dengan operasi UMPSA iaitu memberi khidmat yang berkualiti dan selari dengan ini pengurusan belanjawannya yang cekap bagi menghasilkan nilai, dan meningkatkan reputasinya sebagai sebuah organisasi yang mengamalkan budaya integriti.

Jadual 2: Lima Bidang Keutamaan Matlamat Strategik Antirasuah

STRATEGIK	MATLAMAT ANTIRASUAH
Pendidikan	Mempertingkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan akademik universiti
Kebertanggungjawaban Awam	Mengukuh budaya kebertanggungjawaban bagi menghindari rasuah dengan berkesan
Suara Kampus/Universiti	Mewujudkan platform bagi pelajar dan staf untuk memberikan maklum balas mengenai isu-isu integriti dan rasuah di kampus
Penguatkuasaan	Mewujudkan dan menguatkuasakan polisi yang tegas terhadap sebarang bentuk rasuah dan salah guna kuasa di kampus
Insentif	Memberikan insentif kepada pemegang taruh untuk menjadi rakan kongsi UMPSA dalam usaha membanteras rasuah

Setiap inisiatif OACS dikategorikan di bawah salah satu daripada lima bidang keutamaan ini.

Bidang Keutamaan ini mencerminkan kedua-dua matlamat teras UMPSA iaitu model operasinya dan bagaimana OACS ini akan dilaksanakan untuk menangani pelbagai bidang berisiko tinggi yang telah dikenal pasti. Perhubungan ini menekankan cara UMPSA melihat OACS ini bukan sekadar satu keperluan pematuhan dalaman. Dengan mengurangkan kos melaksanakan kerja dan mengukuhkan operasi keseluruhan UMPSA, OACS ini boleh menyumbang secara langsung kepada menangani risiko rasuah sambil memenuhi matlamat visi dan misi.

Setiap prinsip tatakelola baik dan strategi telah diperkemas kini untuk mencapai Matlamat Pencegahan Rasuah yang kemas. Matlamat Strategik Pencegahan Rasuah ini adalah berkaitan secara langsung dengan bidang strategi dan prinsip tatakelola baik UMPSA.

Gambar Rajah 4: Perincian Matlamat Strategik Pencegahan Rasuah

Prinsip Tatakelola Baik	Ketelusan	Memperkuh Akauntabiliti	Kecekapan	Keberkesanan	
Strategi	Pendidikan #1	Kebertanggung-jawaban Awam #2	Suara Kampus/Universiti #3	Penguatkuasaan #4	Insentif #5
Matlamat Strategik Antirasuah	Mempertingkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan akademik universiti.	Mengukuh budaya kebertanggung-jawaban bagi menghindari rasuah dengan berkesan.	Mewujudkan platform bagi pelajar dan staf untuk memberikan maklum balas mengenai isu-isu integriti dan rasuah di kampus.	Mewujudkan dan menguatkuasakan polisi yang tegas terhadap sebarang bentuk rasuah dan salah guna kuasa di kampus.	Memberikan insentif kepada pemegang taruh untuk menjadi rakan kongsi UMPSA dalam usaha membanteras rasuah.

Matlamat ini menggariskan hasil yang diinginkan oleh UMPSA daripada pelbagai inisiatif yang dikumpulkan di bawah setiap bidang strategi dan prinsip tatakelola baik. Berdasarkan ini, kesemua inisiatif di dalam OACS ini secara langsung menyumbang kepada pencapaian objektif UMPSA.


3.5 Rangka Kerja OACS

Di bawah ialah garis besar rangka kerja yang diterangkan dalam bahagian sebelum ini yang menghubungkan model operasi UMPSA dengan inisiatif OACS.

Ia menerangkan visi dan misi UMPSA bersama-sama dengan tema strategik dan keputusan. Ini diikuti oleh lima bidang strategi bersama dengan matlamat antirasuah yang berkaitan. Pautan kritikal adalah antara tema strategik (mewakili model operasi UMPSA) dan bidang strategi dan tatakelola baik (mewakili inisiatif OACS).

Akhir sekali, kesemua inisiatif OACS dikumpulkan mengikut tahun pelaksanaan. Ini menghasilkan satu rangka kerja yang komprehensif bermula dengan visi dan misi UMPSA sehingga ke tahap inisiatif-inisiatif OACS.

Gambar Rajah 5: Perincian Rangka Kerja OACS UMPSA



BAB 4

PELAN TINDAKAN OACS

4.1 Prinsip dan Matlamat Strategik

Sebagai sebuah universiti awam, dokumen OACS UMPSA dirangka mengikut prinsip dan matlamat strategik yang diguna pakai di dalam Strategi Antirasuah Nasional (NACS) yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia dan berkuat kuasa dari tahun 2024 hingga 2028.

Empat prinsip tatakelola utama yang digariskan di dalam NACS adalah:

- a) **Ketelusan:** Menjunjung prinsip ketelusan demi mengembalikan keyakinan rakyat kepada kerajaan.
- b) **Memperkuh Akauntabiliti:** Memastikan pemimpin sektor awam bertanggungjawab atas setiap keputusan yang dibuat.
- c) **Kecekapan:** Mengukur pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang mempunyai kesan positif dan memanfaatkan sumber secara optimum demi kemajuan negara dan rakyat.
- d) **Keberkesanan:** Memastikan setiap dasar dan inisiatif yang diputuskan terlaksana selari dengan hasrat tujuannya serta dilaksanakan dengan berkesan melalui pemantauan berkala yang strategik dan sistemik.

Manakala Kerangka Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional menggariskan lima strategi antirasuah komprehensif untuk menangani rasuah iaitu:

- Pendidikan
- Kebertanggungjawaban Awam
- Suara Rakyat
- Penguatkuasaan
- Insentif

Sumber: Dokumen NACS 2024-2028, muka surat 27 dan 28

Memandangkan strategi-strategi ini meliputi semua inisiatif yang dibincangkan dan dimuktamadkan semasa Bengkel OACS, ia telah dimasukkan ke dalam dokumen OACS UMPSA. Satu perubahan telah dibuat daripada 'Suara Rakyat' kepada 'Suara Kampus/Universiti' untuk mencerminkan status UMPSA sebagai badan pengajian tinggi.

Setiap strategi mempunyai matlamat antirasuah yang sehalu dengan visi dan misi UMPSA.

Jadual 3: Perincian Strategi dan Matlamat Antirasuah yang Sehalu dengan Visi dan Misi UMPSA

STRATEGI	MATLAMAT ANTIRASUAH
Pendidikan	Mempertingkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan akademik universiti
Kebertanggungjawaban Awam	Mengukuh budaya kebertanggungjawaban bagi menghindari rasuah dengan berkesan
Suara Kampus/Universiti	Mewujudkan platform bagi pelajar dan staf untuk memberikan maklum balas mengenai isu-isu integriti dan rasuah di kampus
Penguatkuasaan	Mewujudkan dan menguatkuasakan polisi yang tegas terhadap sebarang bentuk rasuah dan salah guna kuasa di kampus
Insentif	Memberikan insentif kepada pemegang taruh untuk menjadi rakan kongsi UMPSA dalam usaha membanteras rasuah

4.2 Parameter Utama

Semasa Bengkel CRM dan OACS yang menyumbang kepada dokumen ini, peserta telah mengenal pasti 30 inisiatif yang dianggap perlu untuk mengurangkan sembilan risiko rasuah seperti yang disenaraikan di dalam Bab 2. Untuk memastikan pelaksanaannya berjaya, beberapa parameter tertentu yang dianggap perlu telah diberikan kepada inisiatif ini termasuk:

a. Tanggungjawab

Mengenal pasti jabatan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif tersebut. Jabatan ini akan mendapat manfaat secara langsung daripada kejayaan pelaksanaan inisiatif tersebut. Pendekatan ini juga memastikan penglibatan semua pihak berkepentingan dari UMPSA dalam bengkel latihan ini dan mengurangkan beban tanggungjawab dipikul sepenuhnya oleh UI.

b. Garis Masa


Mengenal pasti tahun inisiatif itu akan disiapkan. Ini ditentukan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti berapa segera pelaksanaan inisiatif perlu dilaksanakan, kesediaan untuk melaksanakan dan tahap sumber yang sedia ada. Tempoh OACS UMPSA adalah lima tahun dari tahun 2024 hingga 2028. Empat garis masa telah dikenal pasti di dalam tempoh ini bagi mentakrifkan setiap inisiatif.

Jadual 4: Garis Masa Tempoh OACS UMPSA

GARIS MASA	TAHUN
Sedang Berjalan	2024
Jangka Pendek	2025
Jangka Sederhana	2026-2027
Jangka Panjang	2028

4.3 Pecahan Bidang Keutamaan (Strategi)

Carta 1: 30 Inisiatif OACS Mengikut Lima Strategi UMPSA



4.4 Gambaran Keseluruhan

Gambar rajah berikut memberikan perspektif keseluruhan untuk 30 inisiatif UMPSA yang dikumpulkan mengikut lima strategi. Setiap strategi menunjukkan inisiatif yang berkaitan dan garis masa untuk dilengkapkan.

Gambar Rajah 6: Gambaran Keseluruhan Inisiatif OACS

PENDIDIKAN		KEBERTANGGUNGJAWABAN AWAM		PENGUATKUASAAN	
1	Mempelbagaikan bentuk latihan untuk meningkatkan integriti pegawai seperti menghantar pegawai tersebut untuk menghadiri ceramah atau bengkel berkaitan integriti	1	Ikrar Bebas Rasuah yang dijalankan setiap tahun perlu melibatkan pengurusan-pengurusan tertinggi dan juga melibatkan pegawai-pegawai yang menguruskan kes-kes tatatertib yang berkaitan dengan rasuah	1	Memperkasakan jawatankuasa penyemak geran-geran fakulti dan pemantauan yang jitu di peringkat JP&I pada pemilik-pemilik geran supaya peluang dapat diberikan kepada semua penyelidik fakulti
2	Memperkembang/memperluas program berkaitan integriti kepada pelajar (secara berkala)	2	Memperkemas dokumen sokongan untuk pelajar asing bagi tujuan permohonan visa pelajar berdasarkan SOP KDN	2	Tindakan lebih tegas pentadbiran/tatatertib kepada mana-mana staf yang gagal mematuhi undang-undang atau mana-mana peraturan yang berkuata kuasa di UMPSA
3	Menggalakkan staf akademik dan bukan akademik terlibat dalam latihan pengurusan kewangan sendiri	3	Mewajibkan sektor awam membangunkan langkah pelan pencegahan rasuah organisasi berdasarkan penilaian risiko rasuah	3	Membuat semakan kepada syarikat yang sama kerap mendapat tawaran sebagai prestasi tahunan
4	Mengadakan sesi tazkirah kepada staf berkenaan ilmu keagamaan pada peringkat fakulti/pusat	4	Menambah baik pusingan kerja (<i>job rotation</i>) bagi staf peringkat kumpulan profesional di jabatan yang mempunyai tahap risiko yang tinggi dilakukan secara mandatori	4	Memastikan analisis risiko diambil kira dan memberi peringatan bagi setiap kes yang melibatkan penyelesaian luar mahkamah
5	Mewujudkan kesedaran mengenai rasuah dan menggalakkan tingkah laku beretika melalui kerjasama dengan pertubuhan masyarakat sivil untuk mengembangkan bahan pendidikan, membantu pensyarah jemputan, dan kegiatan kokurikulum	5	Mewajibkan staf bertanggungjawab yang mengendali dokumen sulit hadir kursus kompetensi kerahsiaan dokumen	5	Mengemas kini terma kerja dan proses di bawah Jawatankuasa Penyelidikan di JP&I dan universiti yang melaksanakan mesyuarat di dalam penilaian permohonan geran
6	Menguatkan pelaksanaan kegiatan kokurikulum mengenai integriti dan pencegahan rasuah di institusi pengajian tinggi dan TVET yang melibatkan individu dan entiti swasta	SUARA KAMPUS/UNIVERSITI		6	Menyemak semula dan menambah baik proses kerja operasi dan kawalan kewangan yang sedia ada dan polisi dalam melaksanakan proses kerja tersebut
7	Kursus Pengurusan Perolehan diwajibkan kepada pegawai yang menguruskan perolehan universiti dan didaftarkan dalam profil staf	1	Memastikan komitmen pengurusan PTJ dengan memudahkan kaedah pelaporan aduan di dalam mengambil tindakan penambahbaikan termasuk teguran audit	7	Mewujudkan polisi dan prosedur penerimaan hadiah di peringkat universiti
8	Menambah baik infografik berkaitan integriti dan rasuah yang berkaitan undang-undang terhadap pelajar dan staf	2	Menggalakkan pelaporan salah laku dan/atau rasuah kepada Unit Integriti	8	Mewujudkan Polisi Konflik Kepentingan yang menyeluruh
9	Meningkatkan kesedaran mengenai saluran pemberi maklumat dalam kalangan pemegang taruh	INSENTIF		9	Pemurnian garis panduan kutipan wang aktiviti pelajar selaras seperti yang dinyatakan dalam AUKU
10	Jabatan Bendahari perlu menambahbaik garis panduan berkenaan pemilihan syarikat atau pembekal untuk pembelian terus dan diuar-uarkan kepada semua warga universiti	1	Meningkatkan kebolehppercayaan saluran aduan (<i>whistleblowing channel</i>) dalam kalangan semua pemegang taruh	10	Mengemas kini SOP di peringkat PTJ bagi memastikan tadbir urus yang telus melalui pemantauan kerap
11	Semakan <i>softbod</i> berkaitan tanggungjawab LPU kepada LPU berdasarkan AUKU, Perlembagaan Universiti dan akta yang berkaitan			11	Memperkemas terma rujukan jawatankuasa dan memastikan ahli yang dilantik bersifat neutral

Jangka Masa:	Sedang Berjalan	Pendek	Sederhana	Panjang
	2024	2025	2026-2027	2028

4.5 Impak dan Kerumitan

30 inisiatif OACS ini mempunyai tahap impak dan kerumitan yang berbeza. Dalam menentukan sumber dan masa yang diperlukan untuk menyelesaikannya, adalah penting untuk memastikan pemahaman yang jelas mengenai dua dimensi tersebut.

Empat kuadran yang mewakili pelbagai tahap impak dan kerumitan digunakan iaitu Impak (Tinggi), Impak (Rendah), Kerumitan (Tinggi), Kerumitan (Rendah).

Gambar Rajah 7: Gambaran Keseluruhan Impak dan Kerumitan Pelan Tindakan

Tinggi	Memperkasa jawatankuasa penyemak geran fakulti dan pemantauan yang jitu pada peringkat JP&I pada pemilik-pemilik geran supaya peluang dapat diberikan kepada semua penyelidik fakulti	Menambah baik pusingan kerja (<i>job rotation</i>) bagi staf peringkat kumpulan profesional di jabatan yang mempunyai tahap risiko yang tinggi dilakukan secara mandatori	Mewujudkan polisi dan prosedur penerimaan hadiah di peringkat universiti	Pemurnian garis panduan kutipan wang aktiviti pelajar selaras seperti yang dinyatakan dalam AUKU	Meningkatkan kesedaran mengenai saluran pemberi maklumat dalam kalangan pemegang taruh
	Mewajibkan sektor awam membangunkan langkah Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi berdasarkan penilaian risiko rasuah	Ikrar Bebas Rasuah yang dijalankan setiap tahun perlu melibatkan pengurusan-pengurusan tertinggi dan juga melibatkan pegawai-pegawai yang menguruskan kes-kes tata tertib yang berkaitan dengan rasuah	Mempelbagaikan bentuk latihan untuk meningkatkan integriti pegawai seperti menghantar pegawai tersebut untuk menghadiri ceramah atau bengkel berkaitan integriti	Tindakan lebih tegas pentadbiran/ tata tertib kepada mana-mana staf yang gagal mematuhi undang-undang atau mana-mana peraturan yang berkuat kuasa di UMPSA	Mengemas kini SOP di peringkat PTJ bagi memastikan tadbir urus yang telus melalui pemantauan kerap
	Mengadakan sesi tazkirah kepada staf berkenaan ilmu keagamaan pada peringkat fakulti/pusat	Memperkembang/ memperluas program berkaitan integriti kepada pelajar (secara berkala)	Menggalakkan staf akademik dan bukan akademik terlibat dalam latihan pengurusan kewangan sendiri	Memperkemaskan terma rujukan jawatankuasa dan memastikan ahli yang dilantik bersifat neutral	Mengemas kini terma kerja dan proses di bawah Jawatankuasa Penyelidikan di JP&I dan universiti yang melaksanakan mesyuarat di dalam penilaian permohonan geran
	Kursus Pengurusan Perolehan diwajibkan kepada pegawai yang menguruskan perolehan universiti dan didaftarkan dalam profil staf	Mewujudkan kesedaran mengenai rasuah dan menggalakkan tingkah laku beretika melalui kerjasama dengan pertubuhan masyarakat sivil untuk mengembangkan bahan pendidikan, membantu pensyarah jemputan, dan kegiatan kokurikulum	Mengukuhkan pelaksanaan kegiatan kokurikulum mengenai integriti dan pencegahan rasuah di institusi pengajian tinggi dan TVET yang melibatkan individu dan entiti swasta	Memastikan komitmen pengurusan PTJ dengan memudahkan kaedah pelaporan aduan di dalam mengambil tindakan penambahbaikan termasuk teguran audit	Semakan <i>sofbod</i> berkaitan tanggungjawab LPU kepada LPU berdasarkan AUKU, Perlembagaan Universiti dan akta yang berkaitan
	Membuat semakan kepada syarikat yang sama kerap mendapat tawaran sebagai prestasi tahunan	Membuat semakan kepada syarikat yang sama kerap mendapat tawaran sebagai prestasi tahunan	Jabatan Bendahari perlu menambah baik garis panduan berkenaan pemilihan syarikat atau pembekal untuk pembelian terus dan diuar-uarkan kepada semua warga universiti	Meningkatkan kebolehpercayaan saluran aduan (<i>whistleblowing channel</i>) dalam kalangan semua pemegang taruh	Memastikan analisis risiko diambil kira dan memberi peringatan bagi setiap kes yang melibatkan penyelesaian luar mahkamah
	Menambah baik infografik berkaitan integriti dan rasuah yang berkaitan undang-undang terhadap pelajar dan staf			Mewajibkan staf bertanggungjawab yang mengendali dokumen sulit hadir kursus kompetensi kerahsiaan dokumen	Menyemak semula dan menambah baik proses kerja operasi dan kawalan kewangan yang sedia ada dan polisi dalam melaksanakan proses kerja tersebut
2	Memperkemaskan dokumen sokongan untuk pelajar asing bagi tujuan permohonan visa pelajar berdasarkan SOP KDN	Menggalakkan pelaporan salah laku dan/atau rasuah kepada UIP			Tinggi

Kerumitan

4.6 Kuadran Impak dan Kerumitan

Kumpulan ini dirujuk semasa menyediakan strategi bagi setiap inisiatif, dan bagi menentukan sama ada ia ditakrif sebagai Sedang Berjalan, Jangka Pendek, Sederhana atau Panjang. Berdasarkan kuadran ini, 30 inisiatif OACS telah dikumpulkan seperti berikut:

Jadual 5: Kuadran Impak dan Kerumitan, Kawalan Terus Antirasuah

BIL.	BUTIRAN INISIATIF	PELAKSANA	STRATEGI	IMPAK		KERUMITAN		JANGKA MASA
				RENDAH	TINGGI	RENDAH	TINGGI	
1.	Memperkasa jawatankuasa penyemak geran-geran fakulti dan pemantauan yang jitu di peringkat JP&I pada pemilik-pemilik geran supaya peluang dapat diberikan kepada semua penyelidik fakulti	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JP&I)	Penguatkuasaan		X	X		Sedang Berjalan
2.	Menambah baik pusingan kerja (<i>job rotation</i>) bagi staf peringkat kumpulan profesional di jabatan yang mempunyai tahap risiko yang tinggi dilakukan secara mandatori	Semua PTJ	Kebertanggungjawaban Awam		X	X		Sedang Berjalan
3.	Mewujudkan polisi dan prosedur penerimaan hadiah di peringkat universiti	UIP	Penguatkuasaan		X	X		H1 2025
4.	Ikrar Bebas Rasuah yang dijalankan setiap tahun perlu melibatkan pengurusan-pengurusan tertinggi dan juga melibatkan pegawai-pegawai yang menguruskan kes-kes tatatertib yang berkaitan dengan rasuah	UIP	Kebertanggungjawaban Awam		X	X		Sedang Berjalan
5.	Pemurnian garis panduan kutipan wang aktiviti pelajar selaras seperti yang dinyatakan dalam AUKU	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA)	Penguatkuasaan		X		X	H2 2026
6.	Memperkemaskan dokumen sokongan untuk pelajar asing bagi tujuan permohonan visa pelajar berdasarkan SOP KDN	Pusat Hubungan Antarabangsa (PuHA)	Kebertanggungjawaban Awam	X		X		Sedang Berjalan
7.	Mewajibkan sektor awam membangunkan langkah pelan pencegahan rasuah organisasi berdasarkan penilaian risiko rasuah	UIP	Kebertanggungjawaban Awam		X	X		H1 2025

Jadual 6: Kuadran Impak dan Kerumitan, Lawatan dan Komunikasi Antirasuah

BIL	BUTIRAN INISIATIF	PELAKSANA	STRATEGI	IMPAK		KERUMITAN		JANGKA MASA
				RENDAH	TINGGI	RENDAH	TINGGI	
8.	Mempelbagaikan bentuk latihan untuk meningkatkan integriti pegawai seperti menghantar pegawai tersebut untuk menghadiri ceramah atau bengkel berkaitan integriti	Jabatan Pendaftar, UIP	Pendidikan		X	X		Sedang Berjalan
9.	Meningkatkan kesedaran mengenai saluran pemberi maklumat dalam kalangan pemegang taruh	UIP	Pendidikan		X		X	H2 2025
10.	Memperkembang/memperluas program berkaitan integriti kepada pelajar (secara berkala)	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA)	Pendidikan		X	X		Sedang Berjalan
11.	Menggalakkan staf akademik dan bukan akademik terlibat dalam latihan pengurusan kewangan sendiri	Jabatan Bendahari, Jabatan Pendaftar	Pendidikan		X	X		Sedang Berjalan
12.	Mengadakan sesi tazkirah kepada staf berkenaan ilmu keagamaan di peringkat fakulti/pusat	Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN)	Pendidikan		X	X		Sedang Berjalan
13.	Mewujudkan kesedaran mengenai rasuah dan menggalakkan tingkah laku beretika melalui kerjasama dengan pertubuhan masyarakat sivil untuk mengembangkan bahan pendidikan, membantu pensyarah jemputan, dan kegiatan kokurikulum	Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), UIP	Pendidikan		X	X		Sedang Berjalan
14.	Mengukuhkan pelaksanaan kegiatan kokurikulum mengenai integriti dan pencegahan rasuah di institusi pengajian tinggi dan TVET yang melibatkan individu dan entiti swasta	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA)	Pendidikan		X	X		Sedang Berjalan

NACS

NACS

Jadual 7: Kuadran Impak dan Kerumitan, Penguatkuasaan

BIL	BUTIRAN INISIATIF	PELAKSANA	STRATEGI	IMPAK		KERUMITAN		JANGKA MASA
				RENDAH	TINGGI	RENDAH	TINGGI	
15.	Mewajibkan staf bertanggungjawab yang mengendali dokumen sulit hadir kursus kompetensi kerahsiaan dokumen	Jabatan Pendaftar	Kebertanggungjawaban Awam		X		X	H2 2026
16.	Mengemas kini SOP pada peringkat PTJ bagi memastikan tabdir urus yang telus melalui pemantauan kerap	Semua PTJ	Penguatkuasaan		X		X	H2 2028
17.	Memperkemaskan terma rujukan jawatankuasa dan memastikan ahli yang dilantik bersifat neutral	Semua PTJ	Penguatkuasaan		X		X	H2 2028
18.	Tindakan lebih tegas pentadbiran/tatatertib kepada mana-mana staf yang gagal mematuhi undang-undang atau mana-mana peraturan yang berkuat kuasa di UMPSA	UIP, Ketua Jabatan PTJ	Penguatkuasaan		X		X	Sedang Berjalan
19.	Memastikan komitmen pengurusan PTJ dengan memudahkan kaedah pelaporan aduan di dalam mengambil tindakan penambahbaikan termasuk teguran audit	Semua PTJ	Suara Kampus/ Universiti		X		X	Sedang Berjalan

Jadual 8: Kuadran Impak dan Kerumitan, Operasi dan Kawalan Kewangan

BIL	BUTIRAN INISIATIF	PELAKSANA	STRATEGI	IMPAK		KERUMITAN		JANGKA MASA
				RENDAH	TINGGI	RENDAH	TINGGI	
20.	Mewujudkan Polisi Konflik Kepentingan yang menyeluruh	UIP	Penguatkuasaan		X	X		H1 2025
21.	Membuat semakan kepada syarikat yang sama kerap mendapat tawaran sebagai prestasi tahunan	Jabatan Bendahari	Penguatkuasaan		X	X		Sedang Berjalan
22.	Kursus Pengurusan Perolehan diwajibkan kepada pegawai yang menguruskan perolehan universiti dan didaftarkan dalam profil staf	Jabatan Bendahari, Jabatan Pendaftar	Pendidikan		X	X		Sedang Berjalan
23.	Jabatan Bendahari perlu menambah baik garis panduan berkenaan pemilihan syarikat atau pembekal untuk pembelian terus dan diuar-uarkan kepada semua warga universiti	Jabatan Bendahari	Pendidikan		X	X		H1 2025
24.	Semakan <i>sofbod</i> berkaitan tanggungjawab LPU kepada LPU berdasarkan AUKU, Perlembagaan Universiti dan akta yang berkaitan	UIP, Bahagian Pengurusan Governan, Jabatan Perundangan	Pendidikan		X		X	H2 2026
25.	Memastikan analisis risiko diambil kira dan memberi peringatan bagi setiap kes yang melibatkan penyelesaian luar mahkamah	Jabatan Perundangan	Penguatkuasaan		X		X	Sedang Berjalan
26.	Mengemas kini terma kerja dan proses di bawah Jawatankuasa Penyelidikan di JP&I dan universiti yang melaksanakan mesyuarat di dalam penilaian permohonan geran	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JP&I)	Penguatkuasaan		X		X	Sedang Berjalan
27.	Menyemak semula dan menambah baik proses kerja operasi dan kawalan kewangan yang sedia ada dan polisi dalam melaksanakan proses kerja tersebut	Jabatan Bendahari	Penguatkuasaan		X		X	Sedang Berjalan

Jadual 9: Kuadran Impak dan Kerumitan, Dasar Pemberitahuan Maklumat

BIL	BUTIRAN INISIATIF	PELAKSANA	STRATEGI	IMPAK		KERUMITAN		JANGKA MASA
				RENDAH	TINGGI	RENDAH	TINGGI	
28.	Mengalakkan pelaporan salah laku dan/atau rasuah kepada UIP	UIP	Suara Kampus/Universiti	X		X		Sedang Berjalan
29.	Meningkatkan kebolehpercayaan saluran Aduan (<i>whistleblowing channel</i>) dalam kalangan semua pemegang taruh	UIP	Insentif		X		X	H1 2025

Jadual 10: Kuadran Impak dan Kerumitan, Perkara yang Boleh Ditimbangi

BIL.	BUTIRAN INISIATIF	PELAKSANA	STRATEGI	IMPAK		KERUMITAN		JANGKA MASA
				RENDAH	TINGGI	RENDAH	TINGGI	
30.	Menambah baik infografik berkaitan integriti dan rasuah yang berkaitan undang-undang terhadap pelajar dan staf	UIP, Jabatan Pendaftar, Jabatan Perundangan	Pendidikan		X	X		Sedang Berjalan

4.7 Garis Masa

Jadual 11: Pecahan Lima Garis Masa dengan Jalur Warna yang Berkaitan

GARIS MASA	JANGKA MASA IMPLEMENTASI	BIDANG WARNA
Sedang Berjalan	2024	Oren
Jangka Pendek	2025	Merah
Jangka Sederhana	2026-2027	Biru
Jangka Panjang	2028	Hijau

Jalur warna ini akan digunakan sepanjang dokumen ini untuk mengenal pasti setiap garis masa.


Peranan OACS sebagai dokumen hidup dari semasa ke semasa memberi perspektif yang lebih baik tentang cara inisiatif ini sedang dilaksanakan dan di dalam tempoh lima tahun. Seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 11 di bawah, 19 inisiatif yang 'Sedang Berjalan' tahun ini merangkumi 63 peratus inisiatif keseluruhan.

Selbihnya, 37 peratus iaitu 11 inisiatif tergolong di dalam Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang dari tahun 2024 hingga 2028.

Jadual 12: Jumlah Inisiatif dan Peratusan Keseluruhan

GARIS MASA	SEDANG BERJALAN	JANGKA PENDEK	JANGKA SEDERHANA	JANGKA PANJANG	JUMLAH
Jumlah Inisiatif	19	6	3	2	30
Peratusan Keseluruhan	63%	20%	10%	7%	100%


Carta 3: Perincian Pecahan Inisiatif NACS



UMPSA menyedari akan garis masa ini dan memberi komitmen sepenuhnya untuk menyediakan sokongan dan sumber yang diperlukan untuk memenuhi matlamat keseluruhan OACS.

Lampiran B memaparkan senarai penuh inisiatif mengikut Lima Matlamat Strategik. Ia mengenal pasti PTJ dan juga garis masa untuk menyelesaikannya.





BAB 5
**PELAKSANAAN ,
PEMANTAUAN DAN
PENILAIAN**

5.1 Petunjuk


Mengukur impak OACS akan memberikan UMPSA petunjuk yang jelas tentang keberkesannya. Ini dicapai dengan membina petunjuk (*indicator*) yang relevan dengan inisiatif pencegahan rasuah khususnya yang boleh dikesan semasa pemantauan Pelan Tindakan OACS berjalan. Pengukuran ini bertujuan untuk menunjukkan peningkatan secara beransur-ansur dan nyata dalam keberkesanan dan penyampaian OACS.

Dua kriteria utama digunakan untuk mengenal pasti petunjuk yang sesuai:

- a. Ia boleh diukur – boleh diukur dari semasa ke semasa dengan keputusan yang tertakluk kepada laporan audit untuk mendapatkan laporan yang tepat.
- b. Mesti berkaitan dengan salah satu daripada sembilan risiko teratas – ia mesti menangani risiko utama yang dikenal pasti untuk menunjukkan perkaitan dan kepentingannya.

Gambar Rajah 8: 14 Petunjuk yang Berkaitan Mengikut Lima Strategi Antirasuah

	PENDIDIKAN	KEBERTANGGUNGJAWABAN AWAM	SUARA KAMPUS/ UNIVERSITI
MATLAMAT STRATEGIK ANTI RASUAH	Mempertingkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan akademik universiti	Mengukuh budaya kebertanggungjawaban bagi menghindari rasuah dengan berkesan	Mewujudkan platform bagi pelajar dan staf untuk memberikan maklum balas mengenai isu-isu integriti dan rasuah di kampus
PETUNJUK/INDIKATOR	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan modul/infografik integriti secara berkala sekurang-kurangnya empat kali setahun Melaksanakan hebahan/latihan/aktiviti kepada 100 peratus warga UMPSA dan pemegang taruh sehingga H4 2027 Analisa keberkesanan latihan kesedaran mencapai 80 peratus pada H1 2028 melalui soal selidik dengan pengiktirafan sijil 	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan peraturan dan prosedur yang berkaitan inisiatif sehingga H1 2025 Capaian hebahan prosedur yang dibangunkan kepada 100 peratus warga UMPSA melalui saluran komunikasi rasmi kepada semua ketua PTJ Memasukkan klausa Antirasuah dalam surat Aku Janji berkaitan dengan pengurusan tertinggi, pegawai yang mengurus tatatertib dan staf yang mengendali dokumen sulit pada H1 2025 Kurang dari lima peratus laporan pelanggaran peraturan dan prosedur berkaitan inisiatif antirasuah pada H1 2028 	<ul style="list-style-type: none"> Kaji selidik berkenaan aduan integriti dan rasuah yang diselesaikan dalam masa ditetapkan. Peraturan maklum balas: 80 Peratus Pengekalan tiada sabitan kes yang melibatkan kebocoran maklumat Mengemas kini polisi dan prosedur integriti serta antirasuah dalam empat tahun



5.2 Semakan

OACS ini tertakluk kepada dua semakan oleh UIP dengan kerjasama pihak berkaitan untuk memantau keberkesannya sepanjang hayat tempohnya. Semakan pertama dibuat ke atas inisiatif 'Sedang Berjalan' pada 2024 untuk memastikan yang ia dilaksanakan dengan sempurna sebelum permulaan tahun pertama (2025) OACS UMPSA.

Semakan kedua dilaksanakan untuk memantau keberkesanan OACS dan mengenal pasti mana-mana bahagian yang mungkin memerlukan penambahbaikan. Semakan pertama dijadualkan pada penghujung suku keempat, 2024 manakala semakan kedua akan disiapkan pada suku ketiga, 2026.

Keputusan kedua-dua semakan akan dibentangkan kepada MTK untuk kelulusan.

5.3 Struktur Pelaporan

UIP bertanggungjawab untuk mengawasi pelaksanaan, pemantauan dan penilaian OACS. Ini adalah fungsi penting kerana UMPSA melihat OACS ini sebagai satu 'dokumen hidup' yang apabila dilaksanakan akan menyumbang ke arah pencapaian Lima Matlamat Strategik.

UIP akan memainkan peranan keseluruhan sebagai ketua penyelaras projek, memastikan semua pihak berkepentingan di dalam dan di luar UMPSA memahami dan melaksanakan tanggungjawab mereka dalam jangkaan dan garis masa yang telah ditetapkan di dalam OACS.

Peranan dan Tanggungjawab

Berikut ialah peranan dan tanggungjawab pihak-pihak berkepentingan:

1. **Mesyuarat Pengurusan**
 - i. Menyelia pelaksanaan keseluruhan OACS.
 - ii. Sahkan profil risiko rasuah.
 - iii. Membahas laporan semakan OACS pertengahan penggal.
 - iv. Membimbing hala tuju strategik organisasi untuk menangani rasuah.

2. MTK UMPSA

- i. Mengenal pasti risiko rasuah yang boleh memberi kesan kepada visi dan misi organisasi.
- ii. Berkomunikasi dari peringkat bawah ke atas terus kepada Mesyuarat Pengurusan mengenai risiko tertinggi rasuah yang boleh memberi kesan kepada visi dan misi organisasi.

3. NAIB CANSELOR

- i. Menyediakan sokongan penuh dari segi pentadbiran dan sumber bagi membolehkan UI melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan.
- ii. Memastikan semua jabatan UMPSA menjalankan tanggungjawab mereka dalam melaksanakan dan melaporkan inisiatif OACS masing-masing.

4. UIP

- i. Memantau dan menilai pematuhan jabatan kepada inisiatif OACS.
- ii. Sahkan status petunjuk.
- iii. Mengesyorkan penambahbaikan jika perlu.
- iv. Serlahkan isu untuk dipertimbangkan kepada MTK UMPSA dan Mesyuarat Pengurusan.
- v. Melaporkan pelaksanaan dan kemajuan OACS kepada Naib Canselor, Mesyuarat Tatakelola UMPSA dan Mesyuarat Pengurusan secara terus dan berkala.
- vi. Menjalankan semakan pertengahan penggal untuk menentukan keberkesanan OACS dan menyerlahkan mana-mana bahagian yang mungkin memerlukan penambahbaikan.

5. Jabatan/Unit UMPSA

- i. Menguruskan risiko rasuah jabatan masing-masing.
- ii. Berkomunikasi dengan UI tentang isu dan cabaran (jika ada).
- iii. Mengesyorkan penambahbaikan jika perlu.
- iv. Laporan pelaksanaan dan kemajuan pelan tindakan.

Strategi Pelaporan


Komponen penting dalam kejayaan OACS ialah memastikan maklumat yang berkaitan dengan proses pelaksanaan, pemantauan dan penilaian disampaikan dengan baik dalam kalangan pihak berkepentingan.

Ini dicapai dengan adanya satu strategi pelaporan yang jelas yang menerangkan saluran pelaporan, kekerapan dan penyampaian seperti yang digariskan di bawah:

Jadual 13: Perincian Strategi Pelaporan

JABATAN	LAPORAN KEPADA	KEKERAPAN	KANDUNGAN LAPORAN
UIP	Mesyuarat Pengurusan	Setengah tahun	<ul style="list-style-type: none"> ● Kemajuan Pelaksanaan OACS ● Kes yang Dilaporkan
UIP	Mesyuarat Tatakelola UMPSA	Setengah tahun	<ul style="list-style-type: none"> ● Aktiviti UIP ● Isu dan Syor
UIP	Pengurusan	Setengah tahun	<ul style="list-style-type: none"> ● Kemajuan Pelaksanaan OACS ● Isu dan Resolusi
UMPSA	SPRM	Sekali setahun	<ul style="list-style-type: none"> ● Kemajuan Pelaksanaan OACS ● Isu dan Resolusi
PTJ	UIP	Suku tahun	<ul style="list-style-type: none"> ● Kemajuan Pelan Tindakan ● Isu

Gambar Rajah 9: Struktur Pelaporan Pelaksanaan Strategi OACS



Terma Rujukan

Dalam menjalankan proses Pemantauan dan Penilaian, terma rujukan yang digunakan adalah penting untuk mengumpul dengan tepat semua maklumat yang berkaitan.

Metodologi yang digunakan untuk memantau dan menilai OACS UMPSA adalah seperti berikut:

- i. Kemajuan Pelan Tindakan
 - a) Status setiap inisiatif diukur mengikut garis masanya;
 - b) Isu yang dihadapi (jika ada); dan
 - c) Cadangan atau tindakan pembaikan untuk mengatasi isu sebenar.
- ii. Kes Dilaporkan
 - a) Perbandingan antara statistik kes atau isu yang dilaporkan sebelum pelaksanaan OACS dan semasa/pasca OACS;
 - b) Penggunaan saluran pelaporan sebelum pelaksanaan OACS dan semasa/pasca OACS; dan
 - c) Menjejaki kes-kes yang lepas atau isu yang dilaporkan secara dalaman (Melalui saluran pemberitahuan maklumat) atau dari luaran (laporan audit).
- iii. Tinjauan tahunan mengenai pihak berkepentingan secara tahunan bagi mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan dan kesedaran mengenai OACS.
- iv. Tindakan proaktif yang diambil oleh pengurusan UMPSA untuk menangani cadangan UIP atau tindakan pembedahan yang akan dicadangkan nanti.

Pada setiap masa kitaran hayat OACS, UIP harus mampu memberikan laporan yang tepat tentang status dan keberkesanan OACS. Proses ini dipermudahkan oleh pelaksanaan dan pengesanan petunjuk.





BAB 6
KESIMPULAN

6.1 Ringkasan

Kesimpulannya, dokumen OACS ini bertujuan untuk menyediakan Pelan Antirasuah yang komprehensif untuk UMPSA yang menggariskan tindakan yang jelas dan boleh diukur bagi menangani dan mengurangkan risiko rasuah.

Kepentingan dokumen OACS adalah:

- Melibatkan semua pihak berkepentingan, dalaman dan luaran;
- Memerlukan pemantauan dan penilaian berterusan;
- Termasuk petunjuk untuk mengukur keberkesanannya;
- Memperbaiki budaya dan etika di tempat kerja;
- Mengandungi Lima Bidang Keutamaan (Strategi) dan 30 inisiatif Pencegahan Rasuah;
- Perancangan Pelan Tindakan OACS yang tersebar dalam garis masa 'Sedang Berjalan' pada 2024 dan empat tahun dari 2025-2028;
- Menggabungkan semakan pertengahan penggal untuk memastikan keberkesanan OACS dalam memenuhi sebarang perubahan persekitaran organisasi UMPSA;
- Merupakan 'Dokumen Hidup' yang menerangkan dengan tepat keadaan semasa isu mengenai pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah UMPSA;
- Membentuk komponen utama amalan organisasi UMPSA;
- Sokongan padu daripada Dekan dan Pengurusan UMPSA yang menyediakan hala tuju, sokongan dan kepimpinan melalui teladan organisasi; dan
- Penanda aras untuk metodologi OACS bagi kerajaan Malaysia.

6.2 Faktor Risiko

Berikut adalah potensi risiko yang boleh memberi kesan kepada pelaksanaan OACS:

- a. **Kewangan:** Mengurangkan belanjawan operasi disebabkan cabaran ekonomi;
- b. **Model Operasi** yang Disemak Semula: Bidang operasi baharu yang menyebabkan semakan kepada bidang yang penting;
- c. Penstrukturan Semula **Pengurusan:** Penurunan kepentingan kepada usaha memerangi rasuah; dan
- d. **Perubahan Dasar** Kerajaan: Memberi kesan negatif kepada keupayaan dan penyampaian pengurusan universiti dengan penuh berintegriti.










6.3 Faktor Kritikal Kejayaan





















Terdapat juga tindakan tertentu yang boleh menyumbang secara positif kepada kejayaan OACS dalam mencapai matlamat dan objektifnya:

- a. **Tone from the Top:** Naib Canselor dan pengurusan kanan universiti menentukan hala tuju, memberi arahan dan sokongan dan menunjukkan kepimpinan melalui teladan.
- b. **Budaya Organisasi:** Tanamkan budaya tempat kerja dengan menekankan budaya etika dan berintegriti.
- c. **Pemantauan:** Penilaian dan kajian separuh penggal: tindakan berterusan untuk memastikan pelan kekal sebagai 'dokumen hidup' yang sah dan berkesan.
- d. **Kebebasan UI:** Mengutamakan fungsi integriti supaya ia boleh beroperasi dengan kepakaran dan autonomi yang diperlukan.
- e. **Audit Dalaman:** Mengesahkan objektif matlamat OACS yang boleh diukur bagi mencapai matlamat.
- f. **Komunikasi dan Akauntabiliti:** Meningkatkan kesedaran dalam kalangan semua pihak berkepentingan tentang objektif rancangan dan tanggungjawab mereka.

LAMPIRAN

Lampiran A: Senarai Hadirin Bengkel

	Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim		Dato' Zainudin bin Othman		Marlina binti Mamat
	Professor Ts. Dr. Gaanty Pragas a/l Maniam		Haryani binti Abdullah		Ts. Izwan bin Ismail
	Ts. Mohd Rashid bin Abu Bakar		Dr. Mohd Hanafiah bin Ahmad		Asri bin Haji Zainudin
	Mohd Akram bin Abdul Razak		Rosilavi bin Mat Jusoh		Dr. Norasman bin Othman
	Ts. Dr. Noorhuzaimi@ Karimah binti Mohd Noor		Mejar Imaduddin bin Abidin		Ts. Dr. Mohammad Affendy bin Omardin
	Ir. Dr. Mohd Sabri bin Mahmud		Dr. Mohamad Reeduan bin Mustapha		Dr. Norwazli binti Abd Wahab
	Ts. Dr. Mas Ayu binti Hassan		Dr. Hadijah binti Ahmad		Dr. Suhardi bin Mat Jusoh

	Dr. Wahaizad bin Safiei		Dr. Mohd Yazid bin Abu		Ts. Dr. Nurhafizah binti Abu Talip@ Yusof
	Noor Azita binti Ibrahim		Norfarizan binti Mohd Daud		Iskandar bin Salehuddin
	Azrizulazmi bin Bustan		Ahmad Fadly bin Ibrahim		Mohd Nazmi bin Sahdan
	Nurul Syahida binti Suhaimin		Wan Nor Azma binti Wan Mokhtar		Ismawarni binti Ismail
	Nur Ain Insyirah binti Ramli		Siti Nur Fatimaton binti Abdul Manan		Nabilah binti Zamimi
	Nurhuda Yasmin binti Zulkfli		Fatin Najihah binti Abdul Zaihar		Eriena binti Kamarozaman
	Nursafrica binti Suardi		Noraisah binti Mahasan		

Lampiran B: Butiran Terperinci Inisiatif

STRATEGI		MATLAMAT STRATEGIK ANTIRASUAH	
Pendidikan		Mempertingkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan akademik universiti.	
BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	GARIS MASA
1.	<p>Mempelbagaikan bentuk latihan untuk meningkatkan integriti pegawai seperti menghantar pegawai tersebut untuk menghadiri ceramah atau bengkel berkaitan integriti</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyelenggarakan sesi ceramah atau bengkel bulanan yang difokuskan kepada integriti dan etika, dihadiri oleh penceramah luar yang berpengalaman dalam bidang antirasuah dan tatakelola yang baik. Membuat kursus <i>e-learning</i> mandatori tentang etika dan integriti yang perlu diselesaikan oleh semua staf setiap tahun bagi memastikan pemahaman yang berterusan dan konsisten mengenai isu-isu integriti. 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPM) Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) 	Sedang Berjalan
2.	<p>Memperkembang/memperluas program berkaitan integriti kepada pelajar (secara berkala)</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengintegrasian modul integriti dalam kurikulum pelajar yang menggariskan prinsip-prinsip etika dan antirasuah serta aplikasinya dalam kehidupan akademik dan profesional. Menyelenggarakan acara tahunan yang menampilkan pembicaraan mengenai integriti oleh tokoh masyarakat dan profesional untuk memperkuatkan pesan pentingnya integriti. 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) 	Sedang Berjalan
3.	<p>Menggalakkan staf akademik dan bukan akademik terlibat dalam latihan pengurusan kewangan sendiri</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan bengkel mengenai pengurusan kewangan yang baik kepada staf universiti, melibatkan pakar dari sektor kewangan untuk berbicara tentang pencegahan penyalahgunaan dana dan tanggungjawab fiskal. 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPM) Jabatan Bendahari 	Sedang Berjalan
4.	<p>Mengadakan sesi tazkirah kepada staf berkenaan ilmu keagamaan pada peringkat fakulti/pusat</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjadualkan ceramah keagamaan berkala yang membahas tentang etika dan nilai-nilai moral dalam agama yang berhubungan dengan integriti dan kejujuran. 	<ul style="list-style-type: none"> Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) 	Sedang Berjalan
5.	<p>Mewujudkan kesedaran mengenai rasuah dan menggalakkan tingkah laku beretika melalui kerjasama dengan pertubuhan masyarakat sivil untuk mengembangkan bahan pendidikan, membantu pensyarah jemputan, dan kegiatan kokurikulum.</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan bengkel dan seminar berkala dengan pensyarah jemputan dari pertubuhan masyarakat sivil yang berpengalaman dalam pencegahan rasuah dan pengukuhan integriti. Mengembangkan dan mengedarkan bahan pendidikan seperti modul, video, dan infografik yang berkaitan dengan tema integriti dan antirasuah. Penerbitan artikel dan jurnal atau menjalankan kajian penyelidikan berkaitan integriti dan antirasuah. 	<ul style="list-style-type: none"> Pusat Sains Kemanusiaan Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) 	Sedang Berjalan

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	GARIS MASA
6.	<p>Mengukuhkan pelaksanaan kegiatan kokurikulum mengenai integriti dan pencegahan rasuah di institusi pengajian tinggi dan TVET yang melibatkan individu dan entiti swasta.</p> <ul style="list-style-type: none"> Membentuk kerjasama dengan entiti swasta untuk menaja dan mengambil bahagian dalam kegiatan kokurikulum yang berkaitan dengan integriti dan pencegahan rasuah. Menyusun dan melaksanakan siri kegiatan kokurikulum yang melibatkan simulasi dan permainan peranan yang menekankan pentingnya integriti dan kesan rasuah. 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) 	Sedang Berjalan
7.	<p>Kursus Pengurusan Perolehan diwajibkan kepada pegawai yang menguruskan perolehan universiti dan didaftarkan dalam profil staf.</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengembangkan modul kursus pengurusan perolehan yang merangkumi topik-topik seperti etika dalam perolehan, deteksi dan pencegahan rasuah, serta konsekuensi pelanggaran. Menjalankan sesi latihan wajib tahunan untuk semua pegawai perolehan yang mencakupi ujian pengetahuan dan pengukuhan kemahiran melalui penilaian berkala. 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPM) Jabatan Bendahari 	Sedang Berjalan
8.	<p>Menambah baik dan atau memaparkan infografik berkaitan integriti dan rasuah yang berkaitan undang-undang terhadap pelajar dan staf.</p> <ul style="list-style-type: none"> Menambah baik dan atau memaparkan set infografik yang mudah difahami mengenai undang-undang antirasuah dan kepentingan integriti, yang akan dipaparkan di laman web universiti dan media sosial jabatan secara berkala. 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) Bahagian Pengurusan Governan (Portal) Bahagian Khidmat Pengurusan (Media Sosial) 	Sedang Berjalan
9.	<p>Meningkatkan kesedaran mengenai saluran pemberi maklumat dalam kalangan pemegang taruh.</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan sesi penerangan dan latihan mengenai penggunaan saluran pemberi maklumat yang melibatkan penceramah dari dalam dan luar universiti untuk menekankan pentingnya transparensi dan integriti. Memasang poster dan bahan informasi di seluruh kampus dan di portal <i>online</i> universiti untuk mempromosikan saluran pemberi maklumat dan menerangkan prosedur serta manfaatnya. 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) 	H2 2025
10.	<p>Jabatan Bendahari perlu menambah baik garis panduan berkenaan pemilihan syarikat atau pembekal untuk pembelian terus dan diuar-uarkan kepada semua warga universiti</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyusun semula dan mengemas kini garis panduan pemilihan syarikat atau pembekal dengan memasukkan kriteria yang lebih ketat dan telus Mengadakan bengkel dan sesi penerangan untuk semua warga universiti khususnya mereka yang terlibat dalam pembelian, untuk memahami dan mengimplementasikan garis panduan yang diperbaharui 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Bendahari 	H1 2025
11.	<p>Semakan berkaitan tanggungjawab LPU kepada universiti berdasarkan AUKU, Perlembagaan Universiti dan akta yang berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> Membangunkan dan mengemas kini secara berkala Manual Tadbir Urus yang mengandungi senarai tanggungjawab dan fungsi Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) untuk memastikan kesesuaian dengan AUKU, perlembagaan dan peraturan terkini. Mengatur sesi <i>onboarding</i> bersama ahli LPU yang baharu dilantik untuk menerangkan dan menyerahkan dokumen menyeluruh berkenaan tanggungjawab, fungsi dan kemudahan LPU bersesuaian dengan garis panduan terkini 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) Bahagian Pengurusan Governan Jabatan Perundangan 	H2 2026

STRATEGI	MATLAMAT STRATEGIK ANTIRASUAH
Kebertanggungjawaban Awam	Mengukuh budaya kebertanggungjawaban bagi menghindari rasuah dengan berkesan.

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	GARIS MASA
1.	<p>Ikrar Bebas Rasuah yang dijalankan setiap tahun perlu melibatkan pengurusan-pengurusan tertinggi dan juga melibatkan pegawai-pegawai yang menguruskan kes-kes tatatertib yang berkaitan dengan rasuah</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan majlis ikrar bebas rasuah tahunan yang wajib dihadiri oleh semua pengurusan tertinggi dan staf yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kes tatatertib berkaitan rasuah Melakukan sesi taklimat dan latihan berkala mengenai etika dan pencegahan rasuah bagi memperkuat pemahaman dan kepatuhan terhadap ikrar tersebut 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) 	Sedang Berjalan
2.	<p>Memperkemaskan dokumen sokongan untuk pelajar asing bagi tujuan permohonan visa pelajar berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Kementerian Dalam Negeri (KDN)</p> <ul style="list-style-type: none"> Melakukan semakan dan pembaharuan terhadap SOP yang ada untuk memastikan semua dokumen sokongan bagi permohonan visa pelajar asing selaras dengan keperluan KDN Mengadakan bengkel untuk staf yang terlibat dalam pemrosesan visa pelajar asing untuk memastikan mereka memahami dan mengikuti SOP yang dikemas kini 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) - Pusat Hubungan Antarabangsa (PUHA) 	Sedang Berjalan
3.	<p>Mewajibkan sektor awam membangunkan langkah pelan pencegahan rasuah organisasi berdasarkan penilaian risiko rasuah</p> <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan bengkel untuk staf sektor awam mengenai cara melakukan penilaian risiko rasuah dan mengembangkan langkah pencegahan yang efektif Membangun sistem pelaporan dan pemantauan untuk mengawasi keberhasilan langkah pencegahan rasuah yang diambil berdasarkan penilaian risiko tersebut 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) 	H1 2025
4.	<p>Mewajibkan staf bertanggungjawab yang mengendalikan dokumen sulit hadir kursus kompetensi kerahsiaan dokumen</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyelenggarakan kursus kompetensi kerahsiaan dokumen secara tahunan untuk staf yang bertanggungjawab atas pengendalian dokumen sulit <p>Memasukkan penilaian kompetensi sebagai bahagian dari penilaian prestasi tahunan bagi staf tersebut untuk memastikan pengetahuan dan keterampilan yang relevan dijaga pada tahap yang tinggi</p>	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPM) Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) 	H2 2026
5.	<p>Menambah baik pusingan kerja (<i>job rotation</i>) bagi staf UMPSA di jabatan yang mempunyai tahap risiko yang tinggi dilakukan secara mandatori</p> <ul style="list-style-type: none"> Menetapkan matlamat dan objektif spesifik untuk program pusingan kerja, termasuk peningkatan kepuasan kerja, pengurangan potensi konflik kepentingan, dan penggalakan pembelajaran silang di antara staf. Menyediakan mentor atau pelatih bagi setiap staf yang mengalami pusingan kerja untuk membantu dengan penyesuaian dan pembelajaran dalam peranan baharu mereka. 	<ul style="list-style-type: none"> Semua PTJ Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BSM) 	Sedang Berjalan

STRATEGI	MATLAMAT STRATEGIK ANTIRASUAH
Suara Kampus/Universiti	Mewujudkan platform bagi pelajar dan staf untuk memberikan maklum balas mengenai isu-isu integriti dan rasuah di kampus.

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	GARIS MASA
1.	<p>Memastikan komitmen pengurusan PTJ dengan memudahkan kaedah pelaporan aduan di dalam mengambil tindakan penambahbaikan termasuk teguran audit.</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengembangkan dan mengimplementasikan Sistem Pelaporan Aduan dalam talian yang lebih intuitif dan mudah diakses oleh semua anggota universiti, termasuk juga tentang cara menggunakannya. Melaporkan di dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ berkenaan status aduan dan tindakan pembetulan yang dilakukan sekiranya ada. 	<ul style="list-style-type: none"> PTJ Pusat Komunikasi Korporat (PKK) Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) 	Sedang Berjalan
2.	<p>Menggalakkan pelaporan salah laku dan/atau rasuah kepada UIP.</p> <ul style="list-style-type: none"> Melancarkan kempen kesedaran secara dalaman yang intensif untuk mendorong staf, ahli akademik dan mahasiswa melaporkan jika menyaksikan adanya tindakan salah laku atau rasuah. Mengadakan sesi pemakluman yang menjelaskan mekanisme, keamanan, dan pentingnya saluran aduan bagi meningkatkan kepercayaan pemegang taruh. 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) 	Sedang Berjalan

STRATEGI	MATLAMAT STRATEGIK ANTIRASUAH
Penguatkuasaan	Mewujudkan dan menguatkuasakan polisi yang tegas terhadap sebarang bentuk rasuah dan salah guna kuasa di kampus.

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	GARIS MASA
1.	<p>Memperkasakan jawatankuasa penyemak geran-geran fakulti dan pemantauan yang jitu pada peringkat JPNI pada pemilik-pemilik geran supaya peluang dapat diberikan kepada semua penyelidik fakulti.</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyusun prosedur dan kriteria yang jelas dalam penilaian geran bagi memastikan semua penyelidik berpeluang mendapatkan geran. Melatih anggota jawatankuasa penyemak untuk menggunakan kriteria ini secara adil dan konsisten, dan mengadakan audit berkala untuk memastikan kepatuhan. 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPNI) 	Sedang Berjalan
2.	<p>Tindakan lebih tegas pentadbiran/tatatertib kepada mana-mana staf yang gagal mematuhi undang-undang atau mana-mana peraturan yang berkuat kuasa di UMPSA.</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengembangkan dan memperkenalkan garis panduan tindakan disiplin yang jelas untuk pelanggaran undang-undang atau peraturan. Menyelenggarakan sesi orientasi dan latihan berulang untuk memastikan semua staf memahami konsekuensi kegagalan mematuhi peraturan. 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) Ketua Jabatan PTJ 	Sedang Berjalan
3.	<p>Membuat semakan kepada syarikat yang sama kerap mendapat tawaran sebagai prestasi tahunan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Melakukan analisis tahunan terhadap pemberian tawaran kepada vendor untuk mengidentifikasikan dan memastikan tidak ada <i>favoritism</i> atau penyelewengan berlaku. 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Bendahari 	Sedang Berjalan

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	GARIS MASA
4.	<p>Memastikan analisis risiko diambil kira dan memberi peringatan bagi setiap kes yang melibatkan penyelesaian luar mahkamah.</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengembangkan kerangka kerja untuk penilaian risiko yang menyeluruh bagi setiap kes yang dihadapi, dengan fokus khusus pada kes yang mungkin diselesaikan di luar mahkamah. 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perundangan 	Sedang Berjalan
5.	<p>Mengemas kini terma kerja dan proses di bawah Jawatankuasa Penyelidikan di JP&I dan universiti yang melaksanakan mesyuarat di dalam penilaian permohonan geran.</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyemak dan memperbaharui semua terma kerja yang terkait dengan Jawatankuasa Penyelidikan untuk memastikan proses penilaian geran yang telus dan adil. Mengadakan sesi latihan rutin kepada semua anggota Jawatankuasa Penyelidikan untuk memastikan pemahaman terhadap proses dan terma kerja yang telah dikemas kini. 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPNI) 	Sedang Berjalan
6.	<p>Menyemak semula dan menambah baik proses kerja operasi dan kawalan kewangan yang sedia ada dan polisi dalam melaksanakan proses kerja tersebut</p> <ul style="list-style-type: none"> Melakukan audit komprehensif terhadap semua proses kerja operasi dan kawalan kewangan yang ada untuk mengidentifikasikan bahagian yang memerlukan peningkatan. Membangunkan prosedur baharu yang lebih ketat untuk memastikan integriti dan akauntabiliti dalam semua transaksi kewangan dan operasi. 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Bendahari 	Sedang Berjalan
7.	<p>Mewujudkan Polisi Konflik Kepentingan yang menyeluruh</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengembangkan polisi konflik kepentingan yang komprehensif yang meliputi semua aspek operasi universiti. Mengadakan sesi pendidikan dan latihan untuk staf dan pengurusan akademik mengenai pentingnya dan cara mengelola potensi konflik kepentingan. 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) 	H1 2025
8.	<p>Mewujudkan polisi dan prosedur penerimaan hadiah pada peringkat universiti</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyusun semula polisi penerimaan hadiah yang jelas dan mudah difahami oleh semua anggota universiti. Mengadakan sesi informasi untuk memastikan semua staf dan pengurusan akademik memahami batasan dan tanggungjawab mereka terkait dengan penerimaan hadiah dari pihak luar. 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) 	H1 2025
9.	<p>Mengemas kini SOP pada peringkat PTJ bagi memastikan tadbir urus yang telus melalui pemantauan kerap</p> <ul style="list-style-type: none"> Melakukan semakan menyeluruh atas SOP yang ada di PTJ, mengidentifikasikan bahagian yang memerlukan peningkatan bagi meningkatkan ketelusan dan efisien. Mengimplementasikan sistem pelaporan elektronik yang memungkinkan pemantauan <i>real-time</i> atas kepatuhan terhadap SOP serta menyediakan laporan berkala kepada pengurusan atasan. 	<ul style="list-style-type: none"> Semua PTJ Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) Bahagian Pengurusan Governan (BPG) 	H2 2028

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	GARIS MASA
10.	<p>Memperkemaskan terma rujukan jawatankuasa dan memastikan ahli yang dilantik bersifat neutral</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyusun kembali dan memperbaharui terma rujukan untuk semua jawatankuasa dengan penekanan pada naturalisasi dalam pengambilan keputusan. <p>Mengadakan sesi orientasi untuk semua anggota jawatankuasa baharu, fokus kepada pentingnya kepatuhan terhadap etika kerja.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Semua PTJ Bahagian Pengurusan Governan (BPG) 	H2 2028
11.	<p>Pemurnian Garis Panduan Kutipan Wang Aktiviti Pelajar selaras seperti yang dinyatakan dalam AUKU.</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengaudit dan menilai garis panduan yang ada untuk pengumpulan dan penggunaan dana aktiviti pelajar, memastikan kesesuaian dengan AUKU dan peraturan universiti. Menyusun garis panduan tersebut untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti serta mengadakan sesi bengkel bersama pelajar dan staf terlibat untuk memastikan pemahaman yang benar dan konsisten terhadap prosedur yang dinyatakan. 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) 	H2 2026

STRATEGI	MATLAMAT STRATEGIK ANTIRASUAH
Insentif	Memberikan insentif kepada pemegang taruh untuk menjadi rakan kongsi UMPSA dalam usaha membanteras rasuah.

BIL	INISIATIF	PELAKSANA	GARIS MASA
1.	<p>Meningkatkan kebolehppercayaan saluran aduan (<i>whistleblowing channel</i>) dalam kalangan semua pemegang taruh.</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan sesi taklimat informasi yang menjelaskan mekanisme, keamanan, dan pentingnya saluran aduan bagi meningkatkan kepercayaan pemegang taruh. Menyediakan insentif atau perlindungan kepada <i>whistleblower</i> yang melaporkan kecurangan atau rasuah, menjamin bahawa tidak akan ada tindakan bertindak balas terhadap mereka. 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) 	H1 2025

BENKEL PENGURUSAN RISIKO RASUAH UMPSA (26 HINGGA 27 FEBRUARI 2024)



**BENKEL STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH UMPSA
(4 HINGGA 5 JUN 2024)**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELAN ANTI RASUAH UMPSA
BIL.1/2024 (1 OGOS 2024)**



Pusat Komunikasi Korporat,
Universiti Malaysia Pahang
Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan, Pahang

Tel.: +609-424 5000
Faks: +609-431 5555
E-mel: integrity@umpsa.edu.my

www.umpsa.edu.my



**TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT**

